

SUKACITA KAMI MENJEMPUT KE PROGRAM:

WACANA ILMIAH

**JABATAN SEJARAH DAN TAMADUN ISLAM
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM, UNIVERSITI MALAYA**

**TEMA:
PENGARUH ISLAM TERHADAP BAHASA**

TARIKH: 24 FEBRUARI 2009

MASA: 12 pm – 2 pm

TEMPAT: Balai Ilmu, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya

PEMBENTANG:

Kertas Kerja 1

Tajuk: Perbandingan Hakikat Bahasa Dari Perspektif Barat Dan Islam

Oleh: Prof. Dr. Awang Sariyan,
Penyandang Kursi Pengajian Melayu Malaysia, Universiti Beijing, China.

Kertas Kerja 2

Tajuk: Akhlak Islam Dalam Bidang Bahasa Berdasarkan Karya Raja Ali Haji

Oleh: Prof. Madya Dr. Tatiana A. Denisova,
Pensyarah, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam.

MASUK ADALAH PERCUMA.

KEHADIRAN ANDA AMAT DIALU-ALUKAN.

ATURCARA PROGRAM

SELASA (24 Februari 2009)

- 11.30 am : Kehadiran tetamu
- 12.00 pm : Aluan Pengacara Majlis
- 12.10 pm : Pembentangan Kertas Kerja 1
- 12.50 pm : Pembentangan Kertas Kerja 2
- 1.10 pm : Soal jawab
- 1.30 pm : Jamuan

Tinjauan Semula Hakikat Bahasa Menurut Perspektif Islam

Prof. Dr Awang Sariyan
Penyandang Pertama Kursi Pengajian Melayu Malaysia – China
Beijing Foreign Studies University



Abstrak

Dapat dikatakan bahawa hakikat bahasa beserta konsep-konsep dan huraian teknisnya yang diterima dan dikembangkan oleh sarjana sedunia didasarkan pada perspektif Barat, yang ditandai oleh pelbagai teori, andaian dan spekulasi yang sentiasa berubah, bertentangan antara satu dengan yang lain, seakan-akan tiada tercapai jua hakikat nan benar dan muktamad. Syarahan ini meninjau semula hakikat beserta konsep-konsep dan huraian teknis tentang bahasa dan bidang linguistik yang berasaskan perspektif Barat itu dan menyarankan landasan alternatif menurut perspektif Islam, yang sesungguhnya ada tradisi sendiri dalam mengupas hakikat bahasa. Malaysia yang penduduk terasnya ialah umat Islam dan sebilangan besar sarjana bahasa/linguistiknya pun orang Islam perlu secara sedar membina oreintasi baharu dalam huraian linguistik di negara ini, khususnya dan di alam Melayu umumnya.

Biodata Ringkas

Awang Sariyan sejak Januari 2008 ialah Penyandang Kursi Pengajian Melayu Malaysia – China, yang merupakan kerjasama antara dua buah negara, berpangkalan di Beijing Foreign Studies University. Sebelumnya ia bertugas sebagai Pengarah Jabatan Bahasa, Dewan Bahasa dan Pustaka, Profesor Bahasa di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia dan Profesor Bahasa di Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya. Pengalaman kerja lampauanya meliputi guru bahasa, sastera dan kertas am, editor dan ketua editor di firma penerbitan, pegawai penyelidik dan pegawai penyelidik kanan bahasa di Dewan Bahasa dan Pustaka dan pensyarah/pensyarah kanan/penolong profesor/profesor madya di beberapa buah universiti di tanah air dan di Brunei Darussalam. Ia pernah dua tahun berturut-turut dilantik menjadi Profesor Tamu di Pusat Pengajian Asia Tenggara, Universiti Frankfurt Jerman dan di Program Pascasiswa Jurusan Linguistik, Universiti Sumatera Utara, Indonesia. Tulisanya meliputi lebih 50 judul buku ilmiah, buku umum dan kamus, ratusan makalah ilmiah dan umum dan kira-kira 200 syarahan, kertas ucap utama, kertas dasar dan kertas kerja di dalam dan di luar negara.

Akhlak Islam Dalam Bidang Bahasa Berdasarkan Karya Raja Ali Haji

Prof. Madya Dr. Tatiana Denisova
Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam,
Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya

Abstrak

Bahasa sebagai unsur ilmu dan aktiviti intelektual manusia sentiasa mempunyai peranan istimewa dalam Tamadun Islam. Penggunaan Bahasa Melayu sebagai bahasa penyebaran Islam memajukan perkembangannya dan pada akhirnya Bahasa Melayu menjadi bahasa Islam yang kedua di dunia. Dalam tamadun Melayu muncul juga konsep akhlak dalam bentuk penggunaan bahasa yang disebutkan sebagai konsep "Budi Bahasa". Konsep Budi Bahasa dirakamkan dalam pelbagai sumber sejarah Melayu, termasuk juga teks-teks sejarah Melayu Islam – antara lain Hikayat Raja-Raja Pasai, Sejarah Melayu, Hikayat Aceh, Hikayat Siak, Peringatan Sejarah Negeri Johor, Tuhfat al-Nafis dan lain-lain. Dalam karya "Tuhfat al-Nafis" dirumuskan pendapat Raja Ali Haji mengenai peranan akhlak dalam bidang bahasa, mengenai budi bahasa sebagai salah satu kewajiban "raja adil", mengenai penggunaan bahasa dalam penulisan ilmiah dan lain-lain. Analisis teks tersebut menunjukkan bahawa dalam tamadun Melayu wujud konsep "Budi Bahasa" yang unik dan yang lengkap.

Biodata Ringkas

Tatiana A. Denisova, merupakan seorang sarjana berasal dari Moscow, Rusia. Beliau mendapat pendidikan tinggi di Universiti St. Peterburg, dan berjaya memperolehi PhD dalam bidang sejarah, yang menjurus kepada historiografi dan penelitian sumber-sumber sejarah Islam. Beliau merupakan Ketua Bahagian Penelitian sumber-sumber Sejarah Islam di Akademi Ilmu Pengetahuan Rusia, Institut of Oriental Studies Moscow. Beliau pernah berkhidmat sebagai pensyarah di Institute of Asian & African Studies, Moscow State University sehingga tahun 2006. Beliau juga pernah berkhidmat di Malaysia sebagai Penyelidik Tamu (sehingga 2003) dan Karyawan Tamu (sehingga 2006) di Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. Kemudian, beliau berkhidmat sebagai Karyawan Tamu (sehingga Jun 2008) di Perpustakaan Negara Malaysia. Kini beliau adalah Profesor Madya Pelawat di Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Beliau banyak menghasilkan karya-karya ilmiah. Bahan-bahan yang sudah diterbitkan merangkumi lebih daripada 50 tajuk, tentang sejarah penyebaran Islam di alam Melayu; sumber-sumber sejarah Islam Melayu dan kaedah-kaedah penelitiannya; khazanah persuratan Melayu Islam dan lain-lain.